

BAB KETIGA

BAB III

PROSEDUR PEMBAHAGIAN PUSAKA HARTANAH ORANG-ORANG ISLAM DI KELANTAN

Pentadbiran harta pusaka bergantung kepada kategori harta pusaka tersebut berdasarkan kepada nilai harta, jenisnya dan statut-statut yang terlibat di dalam pengurusan harta ini. Melalui statut-statut berkenaan, maka prosedur-prosedur pentadbiran dapat diaplikasikan bagi menyelesaikan tuntutan pembahagian pusaka orang-orang Islam. Selain itu, ia dapat menjelaskan skop bidangkuasa pihak-pihak atau institusi yang berautoriti di dalam urusan pembahagian pusaka hartanah ini.

Harta Pusaka ditakrifkan sebagai harta benda atau barang berharga yang ditinggalkan oleh si mati setelah diselesaikan segala hutang dan dilaksanakan wasiat si mati.¹ Pembahagian harta pusaka dapat dilaksanakan setelah dibuktikan bahawa pemilik harta itu telah mati dan dia meninggalkan ahli waris yang masih hidup dan harta.²

Apabila berlaku kematian harta si mati tidak secara automatik menjadi hak waris si mati. Harta-harta tersebut perlu ditadbir mengikut prosedur dan peruntukan undang-undang mengenai pusaka. Segala urusan pentadbiran dan pembahagian hartanah pusaka dikendalikan di

Mahkamah Sivil dan Pejabat Tanah. Namun begitu orang Islam masih tertakluk kepada undang-undang Islam atau Faraid di dalam pembahagian harta pusaka ini. Pihak Mahkamah atau pegawai tadbir pusaka akan menentukan siapakah waris-waris yang benar-benar berhak dan jumlah bahagian setiap waris. Dalam hal ini permohonan untuk mendapatkan perakuan faraid perlulah dibuat terlebih dahulu kepada pendaftar atau penolong pendaftar Mahkamah Syariah sekiranya wujud pertikaian terhadap hak-hak ahli waris di dalam harta si mati.

Di Kelantan permohonan untuk mendapatkan hak milik bagi harta-harta pusaka lebih dikenali dengan nama "menotis pusaka". Beberapa bentuk formaliti perlulah dipenuhi sebagaimana yang telah diperuntukan di dalam Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 dan panduan tatacara pembahagian yang dikeluarkan oleh Unit Pembahagian Pusaka Kelantan bagi pentadbiran harta yang kurang daripada RM600,000.00 yang mengandungi harta tanah.

Sekiranya nilai harta tersebut melebihi daripada RM 600,000.00., maka ia termasuk dalam pentadbiran Harta Pusaka Biasa. Harta Pusaka Biasa ditadbirkan mengikut Akta Probet dan Pentadbiran tahun 1959 yang memberi bidangkuasa dan autoriti pentadbiran kepada Mahkamah Tinggi. Oleh itu permohonan untuk mendapatkan kuasa pentadbiran pusaka ini hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi.

3.1 Prosedur Pentadbiran Harta Pusaka Biasa

Pentadbiran Harta Pusaka Biasa adalah mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995.³ Akta ini memperuntukkan bahawa bagi pentadbiran harta pusaka dari kategori pusaka biasa di mana si mati meninggalkan wasiat (*testate*), pentadbiran harta pusaka ini memerlukan kepada Surat Kuasa Wasiat (*Probate*). Bagi harta pusaka biasa di mana si mati tidak meninggalkan wasiat (*intestate*), pentadbiran harta pusaka ini memerlukan kepada Surat Kuasa Tadbir (*Letters of Administration*).⁴ Sekiranya si mati meninggalkan harta yang sebahagiannya secara berwasiat, sementara bakinya tanpa wasiat, maka pentadbirannya memerlukan kepada Surat Kuasa dan Wasiat Berkembar (*Letter of Administration with will Annexed*).

Surat Kuasa Wasiat (*Probate*) ialah dokumen yang memperakukan dan mengesahkan sesuatu wasiat yang ditinggalkan oleh si mati. Probet berperanan memberi pengiktirafan kepada sesuatu wasiat yang sah di sisi undang-undang. Ia akan memberi hak kepada mana-mana wasi yang dilantik menerusi wasiat si mati atau mana-mana pihak yang mengemukakan permohonan mendapat Surat Kuasa Tadbir bagi menjadi pentadbir harta pusaka tersebut sehinggalah pertikaian yang berbangkit dan urusan pembahagian diselesaikan. Ini menunjukkan bahawa seseorang yang diberi surat kuasa dan dilantik sebagai pentadbir harta pusaka itu akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang sama

sebagaimana tugas dan tanggungjawab si mati semasa hayatnya ke atas segala aset dan hutangnya.


Peranan dan tanggungjawab yang dimaksudkan adalah seperti mengumpulkan seluruh harta si mati, memungut hutang bagi pihak si mati, melunaskan hutang si mati, membayar cukai-cukai harta menurut undang-undang dan menjaga ke atas keselamatan aset-asetnya. Pemegang surat kuasa juga mempunyai kuasa mendakwa dan tanggungan didakwa berkenaan harta si mati dan hutang piutang si mati. Disamping itu tugas pentadbir pusaka ialah memastikan pembahagian mengikut hukum faraid kepada waris-waris yang berhak daripada nilai bersih harta pusaka setelah liabiliti ke atas harta itu diselesaikan seperti pembayaran hutang kepada pemberi kredit, pemberian hak kepada pembeli yang sah ke atas aset si mati, pihak-pihak yang berkepentingan ke atas tanah si mati seperti pemegang gadaian dan pemegang pajakan dan lain-lain lagi.

Pengeluaran Surat Kuasa Wasiat dan Surat Kuasa Tadbir bagi pusaka berwasiat dan pusaka tidak berwasiat adalah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Tinggi berdasarkan peruntukan seksyen 5 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 sekiranya nilaiannya melebihi RM 600,000.00.

CARTA 3

CARTA ALIRAN PROSES PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA BIASA

**AKTA SEKSYEN 81 PROBET DAN PENTADBIRAN 1959
HARTA ALIH DAN TAK ALIH LEBIH RM600,000.00**



Sumber : Amanah Raya Berhad Cawangan Kelantan

Permohonan bagi mendapatkan surat kuasa bagi tujuan pentadbiran harta pusaka biasa secara umumnya boleh dilakukan oleh individu yang tergolong daripada ahli waris. Namun dalam amalannya, orang ramai tidak berapa arif dengan urusan pentadbiran dan urusan pentadbiran harta pusaka ini dan lebih cenderung untuk menggunakan khidmat Amanah Raya Berhad atau PPP.

Menurut seksyen 7 dan 8, Akta Probet dan Pentadbiran 1959, seseorang ahli waris boleh menolak perlantikannya sebagai wasi. Dalam konteks ini sekiranya pentadbir dipegang oleh PPP atau Amanah Raya Berhad setelah dilantik, maka pegawai tersebut akan mengambil tugas individu dan bertanggungjawab mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan surat kuasa. Permohonan surat kuasa tersebut dikenali dengan Surat Kuasa Tadbir Berlampir Wasiat (*Grant of Probate with Will Annexed*).

Secara ringkasnya pihak-pihak yang berhak membuat permohonan bagi Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka Biasa ialah waris si mati (*benefisiari*) seperti balu, duda, anak, ibu atau bapa, adik-beradik dan sebagainya, si piutang seperti pemberi pinjam wang, bank, koperasi dan sebagainya, pembeli-pembeli dan pemegang-pemegang serah hak, pemegang-pemegang gadaian dan pajakan yang mempunyai kepentingan dalam harta peninggalan si mati, Pemegang Amanah, Pegawai Pemegang

Harta dan pihak berkuasa seperti Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri atau Baitul Mal.

Permohonan bagi mendapatkan Surat Kuasa Wasiat (*Probet*) bagi harta pusaka berwasiat hendaklah mengisi Borang 168 (a), sementara bagi permohonan mendapatkan surat kuasa pentadbiran bagi pusaka tidak berwasiat atau pusaka berlampir wasiat, permohonan dibuat dengan menggunakan Borang 168(b).

Dokumen-dokumen yang penting perlu dilampirkan bersama dengan borang permohonan iaitu bukti kematian berupa Sijil Kematian atau Permit pengkebumian atau afidavit 2 orang saksi yang menyaksikan kematian atau Perintah Anggapan Kematian. Bagi permohonan probet, surat wasiat terakhir si mati perlu disertakan bersama dengan petisyen permohonan semasa difaiklan di pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi. Senarai nama waris-waris si mati yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, atau sijil kelahiran, hubungan dengan si mati menurut sijil faraid dan alamat turut diperlukan.

Permohonan juga hendaklah disertakan sekali senarai harta pusaka dan nilainya yang meliputi harta alih seperti wang tunai, wang simpanan, barang kemas, saham, pencen, gaji, KWSP, insuran nyawa dan harta tak alih seperti hartanah, bangunan dan kepentingan ke atas

tanah dan sebagainya termasuk liabiliti si mati. Sijil perkahwinan dan sijil faraid perlu disertakan juga.

Permohonan kepada mahkamah ini juga disertakan dengan suatu surat akuan atau afidavit berkenaan harta si mati bagi maksud mengutip cukai harta pusaka. Bagi mengenal pasti nilai keseluruhan harta pusaka si mati, satu siasatan akan dibuat, selain bertujuan untuk memastikan tiada lagi harta si mati yang tertinggal untuk ditadbir.

Permohonan ini perlu didaftarkan dan dimaklumkan kepada Pejabat Pendaftaran Utama di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.⁵ Pendaftaran ini bertujuan untuk memastikan tiada tuntutan yang bertindan dan hendaklah meliputi seluruh harta peninggalannya. Pejabat Pendaftaran Utama akan memaklumkan kepada pemohon status permohonannya. Pemakluman akan dibuat dengan menggunakan Kad Biru iaitu Borang 167 tentang samada wujud atau tidak wujud sebarang tuntutan sebelumnya oleh mana-mana ahli waris terdahulu.

Jika didapati pernah wujud tuntutan terhadap kes yang sama maka Pegawai Tanah Daerah atau Pegawai Pentadbir Pusaka akan diarah mengambil tindakan lanjutan yang sewajarnya atau menggantung prosiding selepas perkara tersebut dimaklumkan. Jika permohonan terdahulu dibuat dan permohonan yang terkemudian merupakan permohonan pentadbiran bagi harta tambahan yang belum disenaraikan di

dalam permohonan terdahulu, maka suatu akuan pembetulan (*corrective affidavit*) diperlukan. Dalam kes ini, kuasa pendaftaran baru tidak akan dikeluarkan.

Sebelum sesuatu permohonan bagi mendapatkan surat kuasa diluluskan oleh Mahkamah Tinggi menerusi perbicaraan bagi mendengar petisyen permohonan, suatu pemberitahuan akan dikeluarkan oleh mahkamah kepada orang ramai untuk memastikan semada wujud bantahan atau sebaliknya terhadap permohonan pihak-pihak terbabit untuk mendapatkan surat kuasa dan mentadbir urusan pembahagian simati. Sekiranya mahkamah berpuashati dan pemohon itu didapati layak, mahkamah akan mengeluarkan surat perintah memberi kebenaran kepada pemohon untuk mendapatkan Surat Kuasa dan mencatatkan perintah itu.

Perlantikan seseorang ahli waris sebagai pentadbir pusaka atau wasi perlu mendapat persetujuan semua ahli waris. Surat persetujuan masing-masing yang ditandatangani di hadapan seorang majistret atau Pesuruhjaya Sumpah hendaklah difailkan sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan oleh mahkamah. Waris-waris yang ingin menolak hak dan bahagian masing-masing kepada Surat Kuasa Mentadbir Pusaka bagi harta pusaka tersebut bolehlah memfailkan penolakan masing-masing.

Permohonan untuk mendapatkan Surat Kuasa Tadbir dan juga dokumen-dokumen lain yang difaikkan dikenakan bayaran tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi. Biasanya individu yang diberi surat kuasa akan dikenakan syarat mendapatkan dua orang penjamin. Namun dalam konteks permohonan yang dibuat menerusi Pegawai Pentadbir Pusaka atau Amanah Raya Berhad, syarat ini tidak perlu dipenuhi. Sekiranya pemohon atau pempetisyen mengalami kesulitan untuk mendapat penjamin-penjamin yang berkelayakan dan sesuai, pempetisyen boleh memohon perintah mahkamah bagi mengecualikan beliau daripada mengemukakan penjamin-penjamin ataupun mendapat khidmat penjamin profesional.

Surat kuasa hanya akan dikeluarkan apabila perintah pengecualian penjamin diperolehi dan bon pentadbiran telah ditandatangani oleh pempetisyen. Setelah Surat kuasa mentadbir harta pusaka atau probet diperolehi, pempetisyen hendaklah mendaftarkan surat kuasa tersebut di pejabat tanah yang berkenaan agar semua surat-suratan hak milik tersebut didaftarkan di atas nama pempetisyen sebagai wakil peribadi si mati menurut kehendak seksyen 346 Kanun Tanah Negara.

Tanggungjawab dan tugas pempetisyen seterusnya itu adalah memohon perintah pembahagian harta pusaka kepada mahkamah sebaik sahaja dia dapat mengumpulkan seluruh harta si mati samada menurut

faraid atau mana-mana terma-terma ikatan keluarga yang dibuat berdasarkan persetujuan ahli waris.

3.2 Prosedur Pentadbiran Harta Pusaka Kecil

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 merupakan undang-undang asas yang dirujuk bagi penyelesaian tuntutan hak milik pusaka. Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 adalah digubal khusus untuk memudahkan dan mempercepatkan pengurusan dan pembahagian tuntutan harta pusaka kecil yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya melibatkan tanah.⁶

Harta pusaka kecil ialah harta yang jumlah nilainya tidak lebih daripada RM 600,000.00 (mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1980) yang terdiri daripada harta tak alih dan harta alih (tanah) kesemuanya atau terdiri daripada campuran antara harta tak alih dan harta alih. Harta alih adalah seperti Wang Simpanan di bank, saham, kenderaan, senjata api dan sebagainya. Manakala tanah, rumah atau binaan di atas tanah dan apa-apa kepentingan si mati ke atas tanah termasuk di dalam kategori harta tak alih. Permohonan menyelesaikan Harta Pusaka Kecil ini hendaklah dibuat kepada PPP.⁷

Namun Mahkamah Syariah tetap berperanan di dalam menentukan serta mengesahkan bahagian-bahagian waris mengikut hukum faraid dengan mengeluarkan Sijil Faraid. Selain daripada itu Mahkamah Syariah juga mempunyai bidang kuasa untuk menentukan hak dan menyelesaikan tuntutan harta sepencarian, pengesahan kesahterafan anak, penentuan hibah, wasiat orang-orang Islam dan sebagainya.

Dalam kes harta pusaka *Mek Embong bin Mamat*,⁸ PPP telah menangguhkan kes sehingga pengesahan kesahterafan anak si mati Bustaman bin Ali dibuat di Mahkamah Syariah. Kes ini telah dipanjangkan hingga Mahkamah Rayuan Syariah di mana Hussin bin Mamat, abang si mati, telah menafikan bahawa Bustaman (responden) adalah anak bagi si mati. Di dalam kes *Hussin bin Mamat lawan Bustaman bin Ali*,⁹ responden di dalam surat beranaknya tercatat nama Mek Kechik bt. Awang sebagai ibunya. Sedangkan ibunya yang sebenar adalah Mek Embong bin Mamat. Manakala Mek Kechik hanyalah ibu angkatnya. Berasaskan pengakuan responden serta keterangan saksi-saksi perayu yang tidak dapat membuktikan bahawa responden berbohong, Mahkamah Rayuan Syariah telah menolak rayuan pihak perayu dan mengekalkan keputusan Hakim Rendah Syariah Kota Bharu yang memutuskan Bustaman bin Ali adalah anak Mek Embong bt. Mamat.

Seksyen 12(7) Akta 98 turut menyebut bahawa PPP hendaklah menentukan undang-undang yang dipakai terhadap penurunan harta si

mati dan memutuskan bahagian-bahagian dan hak ahli waris masing-masing.

3.2.1 Pemohon-pemohon yang berkelayakan

Akta 98 memperuntukkan siapakah yang layak untuk memohon pentadbiran bagi harta pusaka kecil melalui pejabat pembahagi pusaka. Mereka yang berhak membuat permohonan untuk satu tuntutan harta pusaka si mati adalah seperti berikut:-

- i) Ahli waris si mati

Menurut Muhammad Ali al-Sabuni waris ialah mereka yang berhak menerima pusaka dengan salah satu sebab berikut:-

- a) Kerabat Hakiki

Maksud kerabat hakiki ialah hubungan kekeluargaan yang wujud yang disebabkan proses peranakan. Ia terdiri daripada tiga golongan iaitu *ashabul-furudh*, ahli-ahli *asabah* dan *zawil arham*. Termasuk dalam golongan ini ialah anak-anak si mati, ibubapa, adik-beradik dan umpamanya.

b) Kerabat hukmiah

Iaitu hubungan kewarisan yang wujud disebabkan oleh perhambaan. Hubungan ini wujud kerana seseorang tuan telah membantu membebaskan seorang hamba, justeru itu Syara' telah memuliakan orang tersebut dengan membenarkan mereka mewarisi harta pusaka hamba tersebut dengan syarat hamba tersebut tidak mempunyai waris.¹⁰

c) Perkahwinan

Iaitu hubungan kekeluargaan yang wujud melalui akad perkahwinan sah sama ada telah berlaku persetubuhan atau tidak. Oleh itu jika suami atau isteri mati sebelum berlaku persetubuhan, salah satu pihak layak mewarisi harta peninggalan pasangannya. Begitu juga bagi suami atau isteri yang bercerai dengan syarat isteri masih dalam iddah.¹¹

- ii) Pemberi hutang (*creditor*) dan *caveator* umpamanya pihak-pihak bank, syarikat kewangan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain. Hak ini wujud berdasarkan kepada hutang-hutang yang telah dibuat oleh si mati. Hak ini setakat jumlah hutang yang belum dijelaskan sahaja.

- iii) Orang-orang atau badan-badan yang berkepentingan dalam tanah kepunyaan si mati seperti pemegang gadaian atau pajakan atau pembeli. Pembeli yang dimaksudkan di sisi undang-undang ialah mereka yang telah membeli tanah daripada si mati semasa hayatnya melalui satu surat perjanjian jual beli yang sah. Walau bagaimanapun mereka itu tidak membuat sebarang pindah milik ke atas tanah itu. Oleh itu tanah yang dimiliki atau diduduki oleh si pembeli itu masih didaftarkan di atas nama si mati samada sebagai pemilik tunggal atau pemilik bersama orang lain. Oleh yang demikian pembeli itu berhak membuat tuntutan pembahagian pusaka (melalui waris si mati) dengan syarat dia mengemukakan surat perjanjian tersebut sebagai bukti berlakunya jual beli di antaranya dan si mati.

- iv) Penggawa atau Pegawai Penempatan dibenarkan oleh seksyen 18 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) tahun 1955 untuk mengemukakan tuntutan pembahagian pusaka kepada PPP. Seksyen 18 Akta ini memberi kuasa kepada penghulu (dikenali sebagai penggawa bagi Kelantan) atau Pegawai Penempatan melaporkan kepada PPP mengenai harta pusaka kecil seseorang yang telah mati dengan syarat selepas 6 bulan dari tarikh kematiannya, jika si mati tidak mempunyai waris. PPP kemudian hendaklah mengarahkan penghulu atau Pegawai Penempatan membuat petisyen bagi pembahagian harta tersebut.

- v) Amanah Raya Berhad atau dahulunya dikenali dengan Pegawai Tadbir Pusaka Malaysia. Amanah Raya Berhad boleh membuat permohonan bagi pihak ahli waris yang di bawah umur 18 tahun atau waris yang cacat akal yang menyebabkan mereka tidak boleh menerima sendiri bahagiannya dalam harta pusaka itu, selain daripada apabila diminta oleh pihak waris.
- vi) Pemegang amanah (*Trustee*) yang dilantik oleh PPP atau anak kepada Amanah (*Trustor*). Mereka ini boleh mengemukakan permohonan kepada PPP untuk membuat penurunan milik terus kepada anak amanah atau memohon pertukaran atau pengguguran pemegang amanah.
- vii) Baitul Mal
Badan-badan berkanun yang mempunyai kepentingan ke atas harta pusaka si mati seperti Baitul Mal atau Majlis Agama Islam bolehlah membuat tuntutan pembahagian harta tersebut ialah harta tak alih yang tergolong di bawah maksud seksyen 351 Kanun Tanah Negara 1965¹² sekiranya si mati tidak mempunyai waris atau waris yang berhak telah hilang.

3.2.2 Tatacara permohonan

Setiap permohonan tersebut hendaklah dibuat dalam borang khas yang boleh didapati secara percuma. Menurut seksyen 8 Akta 98 setiap permohonan mestilah dimulai dengan mengisi borang A. Di dalam borang ini pemohon perlu menyatakan butir-butir berikut seperti siapa si mati dan tarikh kematian, hubungan dan kaitan si mati dengan pemohon samada isteri, anak, pembiutang, penghulu dan lain-lain serta jenis-jenis harta dan hutang-hutang yang ditinggalkan oleh si mati.

Setiap permohonan untuk pembahagian pusaka di dalam Borang A mestilah disertakan bersama bayaran pendaftaran sebanyak RM 10.00 sahaja secara tunai jika pemohon hadir sendiri atau wang kiriman/postal order jika diposkan. Bukti kematian, salinan surat nikah si mati, salinan surat beranak atau kad pengenalan waris-waris, salinan hak milik keluaran bagi tanah jika ada (seperti geran tanah atau rumah) dan lain-lain salinan dokumen yang menunjukkan pegangan harta hak milik yang sah seperti *sale & purchase agreement* perlu disertakan. Selain salinan dokumen harta-harta alih yang di atas nama si mati seperti salinan sijil saham, salinan sijil premium, salinan buku simpanan, salinan penyata KWSP dan sebagainya serta buku dan sijil pendaftaran kenderaan yang dituntut jika ada. Jika si mati mempunyai hutang piutang, satu salinan penyata hutang yang masih ditanggung perlu disertakan.

Jika melibatkan harta tanah maka semua dokumen-dokumen asal yang berkaitan seperti suratan hak milik keluaran (geran) hendaklah di bawa bersama-sama semasa hari perbicaraan bagi maksud pengesahan. Kegagalan pihak pemohon menyertakan dokumen-dokumen ini menyebabkan permohonan tidak dilayan.

Bukti kematian adalah terdiri daripada 3 jenis sahaja iaitu surat mati atau permit pengkebumian, surat sumpah oleh dua orang saksi bebas yang menyaksikan jenazah dikebumikan (bagi kematian semasa Zaman Pemerintahan Jepun atau sebelumnya) dan Perintah Anggapan kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi boleh mengeluarkan perintah anggapan mati terhadap mereka yang hilang tanpa khabar berita selepas 7 tahun kehilangan mereka. Perintah ini dikeluarkan dalam kejadian-kejadian seperti kematian tanpa kubur, mereka yang hilang semasa Zaman Jepun. Kematian atau kehilangan dalam peristiwa 13 Mei 1969 atau tragedi Muassem di Mekah, kehilangan di laut atau kematian di luar negeri Komanwel dan sebagainya.¹³

Terdapat dua cara dalam mengemukakan surat sumpah iaitu kaedah pertama semasa perbicaraan untuk pembahagian pusaka di jalankan, dua orang saksi bebas tersebut dikehendaki memberi keterangan secara lisan bahawa mereka telah melihat mayat tersebut dikebumikan dan mengaku bahawa mereka menghadiri pengebumian si mati. Manakala kaedah kedua, sekiranya dua orang saksi itu tidak hadir dalam perbicaraan itu

maka surat sumpah dari mereka mengenai perkara itu hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pentadbiran Pejabat Tanah Daerah.

Setelah pemohon melengkapkan Borang A, borang itu kemudiannya hendaklah diserahkan kepada kerani di Unit Pembahagian Pusaka atau Pejabat Tanah Daerah di mana tanah itu terletak. Jika tanah yang dituntut terletak dibeberapa buah daerah yang berasingan, maka permohonan boleh dibuat di Pejabat Tanah Daerah yang berhampiran walaupun nilai tanah yang berada di daerah lain itu lebih tinggi.

Permohonan surat kuasa dan perintah pembahagian boleh dibuat hanya sekali di sebuah Pejabat Tanah Daerah sahaja bagi tuntutan ke atas sesuatu harta pusaka si mati tanpa mengira kedudukan geografinya. Namun prioriti diberi kepada Pejabat Tanah Daerah di mana nilai harta pusaka hartanah lebih besar berbanding nilai hartanah di daerah lain untuk memberi kemudahan kepada pemohonan dan saksi-saksi.

Seterusnya PPP akan memerintahkan keraninya mengisi Borang B iaitu merupakan satu notis pengeluaran geran dan notis permohonan. Pemohon perlu melengkapkan Bahagian I butiran 1-3 dan kesemua Bahagian II borang ini kemudiannya ditandatangani PPP. Borang ini akan dilengkapkan sebanyak tiga salinan. Salinan pertama akan dihantar ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, salinan kedua ke

Bahagian Kuasa Mati, Mahkamah Tinggi dan yang akhir sebagai simpanan dalam fail di Pejabat Daerah.

Tujuan penghantaran ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur adalah untuk mengenal pasti bahawa permohonan itu adalah sah. Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Peraturan Pusaka Kecil 1955, hanya satu permohonan sahaja yang boleh dibuat ke atas pusaka seseorang yang mati.

Setelah pendaftar berpuashati bahawa tiada sebarang permohonan terdahulu, seksyen 8 (A) mengkehendaki PPP untuk menyiasat nilai harta si mati dan memastikan harta itu adalah di dalam takrifan Harta Pusaka Kecil. Sekiranya ia adalah harta pusaka kecil maka PPP mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan permohonan tersebut tetapi jika bukan tertakluk kepada takrifan harta pusaka kecil, maka PPP perlulah memindahkan petisyen itu dengan pindaan atau tanpa pindaan ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi akan menganggap petisyen itu sebagai surat kuasa ke atas harta tak berwasiat atau mahkamah mengarahkan sebaliknya. Seterusnya PPP juga akan meminta penghulu atau pegawai penempatan menyiasat samada semua harta si mati (harta alih atau harta tak alih) dan kesemua ahli waris yang berhak menerima pusaka telah dimasukkan ke dalam permohonan itu atau tidak.

Dalam perkara yang berkaitan tanah pula PPP akan mendapatkan maklumat mengenai tanah-tanah si mati daripada Unit Pendaftaran Pejabat Tanah atau Pemungut Hasil Tanah. Maklumat yang dimaksudkan itu adalah seperti bagi mendapatkan geran asal tanah si mati, status tanah itu samada EMR, GSM dan lain-lain begitu juga mengenai kategori tanah itu. Jika didapati tanah tersebut bukan hak milik si mati, tuntutan terhadap tanah tersebut ditolak. Tapi jika sebaliknya, maka PPP meminta nilai harta tersebut diambil.


Selepas sebulan dari tarikh Borang B dihantar, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan menghantar jawapannya melalui Borang C atau *Notis of Application*. Jika Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi itu mengumumkan bahawa terdapat permohonan yang terdahulu maka PPP tidak mempunyai kuasa untuk meneruskan tindakan dalam prosiding permohonan tersebut. Namun ianya diserahkan kepada pihak di mana permohonan terdahulu dibuat bagi menyelesaiannya.

Sekiranya permohonan itu adalah yang pertama kali maka perintah perbicaraan pembahagian diperolehi dan PPP boleh meneruskan tindakannya dengan menghantar Borang D iaitu Notis Permintaan dan Perbicaraan. Borang D ini dihantar kepada pemohon dan pihak-pihak yang berkaitan meminta mereka menghadirkan diri ke perbicaraan pada tarikh, masa dan tempat yang akan ditetapkan dan sekiranya mereka gagal hadir maka mereka perlu mengisi Borang DD.

Walau bagaimanapun sebelum Borang D dihantar kepada pemohon, kerani perlulah melengkapkan fail permohonan tersebut. Kerani perlu memastikan bahawa harta si mati mestilah kurang daripada RM 600,000.00 serta mendapatkan salinan asal geran harta si mati daripada Pejabat Tanah Daerah tersebut. Ini bagi memastikan bahawa tanah tersebut betul-betul milik si mati bagi mengelakkan risiko di kemudian hari.

CARTA 4

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN BARU PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL



Sumber : Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan

3.2.3 Penaksiran dan Penilaian Harta Pusaka

Setelah PPP selesai menjalankan siasatan dan mendapati semua butiran yang dikemukakan adalah benar, PPP akan mengarahkan Pegawai Penempatan atau Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan menaksir nilai harta pusaka yang terdapat di daerah-daerah berkaitan untuk menentukan nilai sebenarnya samada termasuk di bawah kategori harta pusaka kecil dan tidak melebihi RM 600,000.00. Bagi tanah yang terletak di daerah berlainan, PPP akan mendapatkan penilaian tersebut daripada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) di daerah itu. Berkenaan dengan harta alih pula, PPP boleh menilai harta itu di mana sahaja ia terletak.

Penaksiran nilai harta pusaka ini dibuat pada tarikh penerimaan permohonan itu. PPP hendaklah memastikan harta tersebut mengandungi tanah atau apa-apa kepentingan atau faedah yang diperolehi di atas tanah itu keseluruhannya atau sebahagiannya. Sekiranya harta pusaka itu tidak tergolong dalam harta pusaka kecil di mana nilainya melebihi RM600,000 PPP hendaklah mengisi Borang I dan menghantarnya bersama-sama dokumen-dokumen berkenaan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Walau bagaimanapun harta-harta yang dipegang oleh si mati sebagai pemegang amanah dan harta tanah yang dipegang oleh si mati

sebagai wakil atau penjaga tidak termasuk dalam pengiraan nilai harta pusaka kecil.

Semasa membuat penilaian, PPP perlulah melihat terlebih dahulu kedudukan tanah berkenaan. Jika tanah itu terletak di daerahnya, beliau boleh menilai atau mengarahkan pegawai penempatan untuk menilainya. Sebaliknya mengikut seksyen 8(8) Akta 98, jika tanah itu terletak di luar daerahnya maka PPP tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan permohonan itu. Beliau hendaklah memindahkan permohonan itu kepada PPP di daerah berkenaan dan beliau terlebih dahulu mesti mendapat perintah dari Pejabat Tanah dan Galian Negeri (jika tanah itu terletak di dalam sebuah negeri) atau Ketua Pengarah Tanah dan Galian (jika tanah terletak di negeri berlainan).

PPP juga boleh bertindak memindahkan permohonan kepada PPP daerah lain sungguhpun beliau mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan itu berdasarkan kepada dua alasan iaitu untuk kemudahan am pihak yang terlibat dan saksi serta untuk tujuan keadilan.

Bagi tujuan mendapatkan perintah pemindahan permohonan, PPP mesti mengisi Borang Q dan menghantarkannya kepada Pengarah Tanah dan Galian. Kemudian surat perintah akan dikeluarkan dalam Borang R. PPP akan memindahkan permohonan itu bersama-sama dengan

dokumen-dokumen yang berkenaan kepada PPP yang akan membicarakannya.

3.2.4 Perbicaraan

Setelah PPP berpuashati dengan siasatan awal, penaksiran dan penilaian maka PPP boleh memilih untuk mendapatkan sijil faraid sebelum atau selepas perbicaraan.¹⁴ Hal ini hanya bagi kes-kes yang waris memilih kaedah faraid untuk pembahagian dan bukan secara muafakah.

Pada peringkat ini, sebarang tuntutan dan pertikaian yang berhubung dengan harta sepencarian, kesahihan sesuatu wasiat, wakaf dan nazar, keesahan ikatan perkahwinan diantara suami dan isteri, kesahtarafan anak, kesahihan ahli waris dan bahagian setiap ahli waris akan diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Ianya bertujuan untuk memastikan perbicaraan dapat berjalan dengan lancar dan semua pihak berpuashati.

Sebelum perbicaraan dimulakan, PPP perlu menetapkan tarikh perbicaraan yang tidak kurang 30 hari dari tarikh notis yang dikeluarkan dalam Borang D (masa dan tempat perbicaraan ditentukan dengan perbicaraan dan juga saksi-saksi).¹⁵ Salinan notis dalam Borang D mestilah disampaikan kepada waris-waris yang dewasa dan si piutang-piutang si mati untuk mengingatkan pemohon dan waris-waris tentang

tarikh, masa dan tempat perbicaraan akan didengar.¹⁶ Mengikut amalannya waris atau pemohon sendiri diminta menghubungi ahli-ahli waris yang lain bagi menghadiri perbicaraan tersebut.

Selain daripada penyampaian notis petisyen, PPP juga mestilah menerbitkan notis petisyen tersebut. Lazimnya, notis petisyen akan diterbitkan di akhbar-akhbar tempatan atau di papan-papan kenyataan yang mudah dilihat oleh orang awam seperti di balai-balai raya, dewan orang ramai, Pejabat Tanah Daerah dan sebagainya.

Kebiasaaannya tugas membicarakan permohonan ini dilakukan oleh PPP. PPP yang menjalankan tugas ini hendaklah merekodkan secara bersumpah dan pemeriksaan mana-mana saksi adalah dibenarkan oleh orang yang menuntut atau penjaga yang dilantik di bawah seksyen 12(2).¹⁷

Dalam kes harta pusaka *Bidah bt Hussain*,¹⁸ anak lelaki si mati iaitu Ahmad bin Yaacob telah memanggil 2 orang saksi untuk memberi keterangan mengesahkan bahawa beliau hanya satu-satunya anak si mati dan waris tunggal. Dua orang saksi tersebut iaitu Zaman bin Tahir dan Husain bin Yazid adalah jiran kepada si mati yang memberi keterangan dihadapan PPP mengesahkan perkara tersebut. Setelah keterangan diambil, PPP mengeluarkan perintah pembahagian dimana tanah Lot 189

dan Lot 372 Mukim Pangkal Kalong, Machang East diserahkan kepada waris tunggal si mati iaitu Ahmad b Yaacob.

PPP boleh mengarahkan penghulu hadir sebagai saksi dalam perbicaraan jika difikirkan dapat memberi maklumat yang mustahak mengenai si mati dan harta peninggalannya. Ini perlu kerana penghulu adalah pihak yang kebiasaan menjadi rujukan bagi pihak yang bermasalah bagi mendapatkan nasihat.

Semasa perbicaraan dijalankan PPP perlulah menentukan jumlah harta pusaka (jika ada), belanja kematian dan hutang si mati jika berbangkit mengikut seksyen 12 (5), PPP perlu menimbangkan tuntutan pembeli mengikut Seksyen 12 (b) dengan menentukan dan merekodkan nama si pembeli, tarikh perbicaraannya, tanah yang dituntut, tarikh si pembeli tinggal di atas tanah, tarikh dibuat hukuman dan dokumen hakmilik keluaran yang berkenaan.

Mengikut amalannya, sekiranya hak milik tersebut belum diserahkan atau ditukar nama kepada pembeli, maka salah seorang ahli waris akan diberi amanah menguruskan penurunan hak milik tanah tersebut kepada si pembeli. Ahli-ahli waris yang lain akan menolak hak masing-masing ke atas tanah tersebut kepada ahli waris yang diamanahkan untuk urusan jual beli tersebut. Ianya bertujuan untuk

mendapatkan cukai setem kepada kerajaan melalui permohonan tukar nama tanah tersebut.¹⁹

PPP, juga perlu menentukan undang-undang yang terpakai dalam penurunan milik harta pusaka si mati, memutuskan orang yang berhak menerima serta bahagian masing-masing.

Dalam kes harta pusaka *Jah bt Putih*,²⁰ harta peninggalan si mati adalah tiga lot tanah yang telah dijual kepada 2 orang ahli waris dan seorang bukan ahli waris iaitu anak sepupu si mati. Bagi 2 lot tanah, iaitu Lot 1017 dan Lot 1037 Mukim Kijang maka tanah tersebut terus ditukar milik kepada kedua-duanya. Walaupun bagi lot tanah 1008 Mukim Kijang yang dijualkan kepada bukan ahli waris tidak terus dijual hak milik, tetapi diwakilkan kepada salah seorang ahli waris bagi urusan jual beli dan tukar hak milik tanah terlibat.

Dalam pembahagian ini, ahli waris diminta agar hasil jualan tanah tersebut dibahagikan antara ahli waris mengikut kadar bahagian dalam hukum faraid. Nilaian harta tanah tersebut sebagaimana berikut:

Tanah Lot	Mukim	Nilaian
GM 1017	Mukim Kijang	RM 35,000.00
GM 1008	Mukim Kijang	RM 19,000.00
GM 1034	Mukim Kijang	RM 30,000.00
JUMLAH		RM 84,000.00

Nilaian harta tanah tersebut dibahagikan kepada ahli waris seramai 5 orang iaitu seorang anak lelaki dan 4 orang perempuan serta seorang menantu. Akhirnya PPP mengeluarkan perintah pembahagian nilai harta tanah tersebut adalah seperti berikut:

Ahli Waris	Nilaian Harta Setiap Orang	Jumlah
Anak Lelaki	26,250	26,250
4 Anak Perempuan	13,125	52,800
Menantu	5,250	5,250
JUMLAH		84,000

Mengikut seksyen 12(9), PPP boleh atau mustahak menangguhkan perbicaraan ke suatu masa yang lain dan menetapkan tempat yang berlainan untuk perbicaraan yang ditangguhkannya itu.

Sebelum membuat perintah pembahagian, PPP juga di bawah seksyen 12(10) boleh mengadakan perbicaraan semula bagi maksud mengambil keterangan tambahan mengenai perkara yang berkaitan atau jika diarahkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

Sekiranya berlaku pertikaian sampingan (collecteral) semasa perbicaraan dijalankan PPP perlulah menyelesaikan pertikaian itu sebelum membuat perintah pembahagian.

Apabila berlaku pertikaian sampingan itu PPP akan mengeluarkan satu sijil dalam Borang L dan menfaillkan dalam guaman pembahagian. PPP juga perlu memastikan semua pihak yang terlibat itu hadir dalam perbicaraaan dengan mengeluarkan satu notis dalam Borang M dan seterusnya memutuskan pertikaian itu dengan mengeluarkan perintah yang sewajarnya dalam Borang N.

3.2.5 Perintah pembahagian

Menurut seksyen 13 Akta 1955, apabila selesai perbicaraan dan tiada sebarang pertikaian dan perselisihan mengenainya, maka perintah mahkamah dikeluarkan untuk membahagi-bahagikan harta atau PPP akan memberi kuasa kepada waris untuk mendapatkan harta itu atau penurunan hak milik bagi harta tersebut. Perintah ini akan dikeluarkan melalui Borang E dengan bayaran tertentu seperti berikut :

- i) Bayaran perintah asal sebanyak RM 10.00 yang dibayar di kaunter Pejabat Tanah berkenaan.
- ii) Bayaran pendaftaran hak milik (jika ada). Mengikut amalan di Kelantan, bayaran cukai setem bagi tukar hak milik tanah tidak dikenakan keatas ahli waris.
- iii) Cukai pusaka jika ada dan jumlahnya akan ditentukan dalam perbicaraan dan hendaklah di bayar di Pejabat Tanah dan

Jajahan. Setelah pindaan Akta Kewangan Tahun 1992, cukai pusaka tidak dikenakan kepada kes kematian pada 1 November 1992 dan selepasnya.

- iv) Salinan perintah PPP yang akan dibekalkan percuma bagi salinan pertama dan RM 2.00 bagi setiap salinan diperlukan.

Selain daripada urusan mengeluarkan perintah pembahagian melalui Borang E, PPP juga bertanggungjawab memasukkan butir-butir perintah di dalam daftar pusat dan dihantar kepada PPP dengan disertakan tarikh pendaftaran.

Terdapat dua kategori pengeluaran perintah pembahagian melalui Borang E berdasarkan faktor usia dan kemampuan untuk mengurus harta. Yang pertama adalah ke atas orang dewasa. Penurunan hak milik akan terus berlaku ke atas ahli waris yang dewasa. Yang kedua bagi waris minor atau tidak siuman, seorang pemegang amanah akan dilantik daripada waris yang dewasa atau orang yang layak untuk memegang harta tersebut sehingga waris dewasa. Dan bagi menjaga kepentingan tersebut maka pentadbir tanah akan mengkeveat hak milik tanah tersebut supaya sebarang transaksi tidak dapat dilakukan. Bagi tujuan itu Borang H diisi dan perintah tersebut dikeluarkan melalui Borang HH.²¹

Dalam kes harta pusaka *Mohamad Ali*,²² hak yang sepatutnya diperolehi oleh Mohd. Nasir bin Mohd. Ali diserahkan bahagiannya kepada

anaknya Mohd. Rusli bin Mohd. Nasir yang masih kanak-kanak. Oleh itu PPP telah memutuskan bahagian kanak-kanak tersebut iaitu 2/3 tanah GM 264 Lot 194 seluas 1017 depa telah diamanahkan kepada Rusimah binti Yusoff sebagai pemegang amanah bagi pihak Mohd. Rusli.

Namun sekiranya terdapat perselisihan dan kata sepakat tidak diperolehi oleh waris-waris, maka perintah untuk penurunan milik tidak akan dikeluarkan. Sebaliknya PPP hanya akan mengeluarkan surat kuasa tadbir melalui Borang F dan Borang FF.

Faktor usia kanak-kanak yang membolehkan seorang pemegang amanah dilantik bagi pihaknya menjadi persoalan. Mengikut seksyen 3(1) Ordinan Pampasan Pekerja Umur Dewasa ialah 16 tahun. Di bawah Akta Umur Dewasa (Semakan) 1971, umur dewasa ialah 18 tahun dan dibawah Akta Pemegang Amanah 1949, umur yang ditetapkan ialah 21 tahun. Namun mengikut amalan biasa Amanah Raya Berhad had usia dewasa dikira apabila ianya mencecah umur 18 tahun.²³

Surat Kuasa Tadbir ini akan memberikan kuasa kepada salah seorang waris untuk mentadbir segala urusan harta-harta si mati seperti menyelesaikan bayaran cukai pintu, premium dan sebagainya. Di sini pemegang surat tadbir itu bukanlah mendapat hak milik sebenar ke atas harta tersebut dan dia tidak berhak untuk membuat sebarang transaksi terhadap harta tersebut.

PPP juga mempunyai budi bicara untuk mengarahkan supaya semua atau sebahagian dari harta pusaka dijual bagi maksud membayar perbelanjaan pengebumian, bayaran hutang dan bayaran-bayaran yang telah disebut diatas. Baki separuh daripada pembayaran itu akan dibahagikan mengikut kadar yang sepatutnya diterima oleh waris-waris mengikut hukum syarak.

3.2.6 Rayuan terhadap keputusan perbicaraan

Menurut aturan 10, mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan serta perintah yang dibuat oleh PPP bolehlah membuat rayuan dengan memberi notis rayuan dalam Borang K2. Notis rayuan itu hendaklah menyatakan samada keseluruhan atau sebahagian daripada keputusan yang dirayukan.

Rayuan ini boleh dibuat melalui PPP kepada Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari daripada tarikh keputusan itu dibuat. Setiap permohonan rayuan dikenakan bayaran sebanyak RM 10.00. Selepas tempoh 14 hari itu tamat, sebarang rayuan tidak akan dilayan dan keputusan mahkamah adalah muktamad.

Setelah PPP menerima rayuan tersebut, perayu itu perlulah menyediakan satu rekod rayuan yang mengandungi salinan pengesahan menerima notis rayuan, notis keterangan di hadapan pemungut, rayuan

terhadap keputusan, alasan keputusan, ekshibit, dokumen yang dianggap ada kaitan dengan rayuan, serta senarai mereka yang terlibat dengan rayuan beserta alamat mereka.

Perayu perlu membayar sebanyak RM 50.00 kepada PPP sebagai kos penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagai rekod untuk kegunaan Mahkamah Tinggi dan perayu sendiri. Walau bagaimanapun sebarang rayuan yang melibatkan jumlah RM 1500.00 atau kurang akan diselesaikan oleh PPP sendiri tanpa perlu membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi.²⁴

3.2.7 Permohonan Kemudian

Menurut seksyen 17, permohonan ulang bicara boleh dibuat setelah perintah pembahagian pusaka telah dikeluarkan di dalam Borang E. Tuntutan permohonan kemudian boleh dipohon melalui Borang P. Borang P ini boleh didapati secara percuma tetapi akan dikenakan bayaran RM 10.00 ketika mendaftar permohonan. Keadaan-keadaan bagi melayakkan permohonan ini adalah seperti berikut :

- i) Terdapat harta-harta yang ketinggalan daripada tuntutan asal dan waris atau pemohon berkehendakkan harta tersebut dimasukkan ke dalam pembahagian. Apabila perlu digantikan pemegang amanah yang dilantik bagi bahagian-bahagian waris

belum dewasa dengan seorang yang lain. Ini mungkin disebabkan pemegang amanah itu telah meninggal dunia atau atas alasan yang munasabah.

- ii) Apabila mustahak atau perlunya seorang pentadbir yang berdaftar itu diganti.
- iii) Apabila Pemegang Surat Kuasa Tadbir memohon supaya pusaka dibahagikan terus.
- iv) Apabila perlu ditarik balik kaveat pemegang amanah dan terdapat perintah supaya tanah atau kepentingan dipindah milik atau diturun milik kepada waris yang berhak. Misalnya apabila waris minor mahu membatalkan pemegang amanah kerana dia telah dewasa dan mahu terus turun milik.

Borang S akan dikeluarkan kemudian dan dihantar kepada pemohon dan waris-waris bagi perbicaraan. Manakala perintah pembahagian dikeluarkan dalam Borang T. Permohonan rayuan bagi perintah pembahagian hanya boleh dibuat dalam tempoh tidak kurang 14 hari.

CARTA 5

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN KEMUDIAN PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL



Sumber : Unit Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan

3.2.8 Jangka masa memproses sesuatu tuntutan

Jangka masa memproses satu tuntutan bagi kematian yang selapis iaitu tanpa melibatkan waris-waris selain daripada anak, suami dan isteri si mati sahaja lazimnya adalah dalam tempoh 4 bulan dan tidak melebihi 6 bulan bagi tuntutan yang tidak mampunya sebarang masalah.

Dalam kes harta pusaka *Zainab bt Dollah*,²⁵ kaedah muafakah telah digunakan bagi harta tanah nombor hak milik GM 279 Mukim Kubang Kua Telok Bharu, apabila salah satu daripada waris si mati iaitu Rusli bin Muhammad bersetuju menyerahkan bahagiannya kepada seorang lagi anak si mati iaitu Taib bin Mat.

Dalam kes penyelesaian mudah sebegini proses yang diambil hanya mengambil masa lebih kurang 7-8 bulan bermula dengan permohonan menggunakan borang A pada 8 Oktober 1999, pengeluaran notis perbicaraan pada 19 April 2000, perbicaraan pada bulan Mei dan pengeluaran perintah pembahagian melalui Borang E sekitar bulan Jun.

Begitu juga dalam kes pembahagian pusaka yang tidak melibatkan kes kematian berlapis seperti dalam kes harta pusaka *Abdullah bin Mohamed*²⁶ proses penyelesaian tuntutan harta pusaka ini mengambil masa lebih kurang 7 bulan dengan proses formaliti seperti berikut:

Tindakan	Formaliti	Tarikh
Borang Permohonan	Borang A	3/10/1999
Kebenaran Daripada Pejabat Pendaftar U管家	Borang C	18/4/2000
Notis Perbicaraan	Borang D	19/4/2000
Perbicaraan	-	30/5/2000
Perintah Pembahagian	Borang E	Sebulan selepas perbicaraan

Mengikut peraturan seksyen 12(7) Akta 97, PPP perlu menentukan cara yang sesuai atau undang-undang yang boleh digunakan untuk penyelesaian kes pusaka si mati serta hak waris-waris, kadar bahagian dan kepentingan masing-masing mengikut undang-undang ini.

Dalam amalan pembahagian pusaka di Malaysia, selain kaedah pembahagian mengikut hukum faraid, persetujuan ahli waris secara muafakah diambil kira bagi permohonan harta si mati kepada ahli waris. Biasanya selepas berlaku sesuatu kematian dalam sebuah keluarga, semua ahli waris akan dipanggil untuk mengadakan satu perbincangan mengenai harta peninggalan. Jika semua bersetuju dengan pembahagian yang dicadangkan, maka PPP akan membahagikan pusaka tersebut sepetimana yang telah dipersetujui.

Dalam kes harta pusaka *Wan Mohd Salleh bin Mohd Said*,²⁷ si mati meninggalkan seorang bala, lima orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Memandangkan hampir semua ahli waris si mati berada di Kuala Lumpur, maka persetujuan telah dibuat di hadapan Pesuruhjaya

Sumpah di Kuala Lumpur. PPP dalam mengeluarkan perintah pembahagian telah mengesahkan persetujuan tersebut sebagaimana pembahagian seperti berikut:

No. Hak Milik Daerah	Nama orang yang berhak menerima pesaka	Bahagian didaftarkan
GM 1438 Lot 2027 Pulai Chondong	Wan Khadijah bt Hj Ahmad	27/66
	Wan Adnan b Wan Mohamed	7/66
	Wan Hamzah b Wan Muhammad	7/66
	Wan Ismail b Wan Mohd Salleh	7/66
	Wan Mohd Hashim b Wan Mohd Salleh	7/66
	Wan Mohd Saidie b Mohd Salleh	7/66
	Wan Azizah bt Wan Mohd Salleh	4/66
GM 1439 Lot 2138 Pulai Chondong	Wan Khadijah bt Haji Ahmad	5/44
MG 1200 Lot 656 Banggu	Wan Adnan b Wan Mohamed Salleh	7/44
	Wan Hamzah b Wan Muhammad Salleh	7/44
	Wan Ismail b Wan Mohd Salleh	7/44
	Wan Mohd Hashim b Wan Mohd Salleh	7/44
	Wan Mohd Saidie b Wan Mohd Salleh	7/44
	Wan Azizah bt Wan Mohd Salleh	4/44
Geran 11629 Lot 542 Kota Bharu (2/8 bahagian)	Wan Adnan b Wan Mohd Salleh	Semua
Geran 11633 Lot 546 Kota Bharu	Wan Adnan b Wan Mohd Salleh	Semua

3.3 Prosedur Penyelesaian Pusaka Hartanah di bawah Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960

Aspek pembahagian pusaka harta tanah di bawah Akta Tanah (Kawasan-Kawasan Penempatan berkelompok) 1960 berbeza dengan pembahagian pusaka biasa kerana wujudnya halangan-halangan bersifat perundangan yang terdapat dalam akta tersebut. Berdasarkan peruntukan seksyen 14, 15 dan 16, pembahagian dan penurunan harta tanah pusaka

jenis ini hanya boleh diturunmilik kepada seorang waris yang berhak sahaja.

Penurunan hak milik perwarisan harta dalam kes dibawah Akta Tanah Kawasan-Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 hanya dihadkan kepada seorang pewaris yang berhak sahaja. Apabila waris yang berhak melebihi seorang maka Pentadbir Tanah atau PPP akan bertindak mengeluarkan Surat Kuasa Mentadbir (SKM) kepada salah seorang ahli waris sementara menunggu mendapatkan persetujuan waris-waris lain. Jika tidak ada apa-apa persetujuan maka pembahagian hendaklah dibuat melalui tender antara sesama waris. Namun sekiranya tiada seorangpun yang memohon tender, maka tanah berkenaan hendaklah dilelong melalui Jualan Lelong Awam. Hasil daripadanya, setelah ditolak hutang piutang dan belanja lelong bolehlah dibahagi kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid. Dalam penyelesaian kes seperti ini Seksyen 15, 16 dan 19 Akta Penempatan Kawasan Berkelompok 1960 hendaklah dibaca bersama-sama dengan Seksyen 15 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian), 1955.²⁸

Oleh kerana Agensi-agensi Wilayah tidak terlibat secara langsung dengan pembangunan tanah Kerajaan yang diberi milik kepada peserta-peserta rancangan, maka tumpuan perbincangan prosedur pembahagian ini adalah berkaitan dengan harta tanah di bawah pentadbiran FELDA yang banyak memainkan peranan dalam pembahagian harta tanah jenis ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh FELDA apabila berlaku sesuatu kematian peneroka di rancangannya dapat diringkaskan seperti berikut:

- i) Pengurus Rancangan melaporkan kematian kepada Pengarah Jabatan Ukur, Tanah dan Penempatan Peneroka di Ibu Pejabat FELDA dengan menggunakan borang tertentu.
- ii) Pengurus menjemput semua waris si mati yang berumur lebih daripada 18 tahun yang difikirkan berhak menuntut hak milik simati.
- iii) Pengurus mengadakan bicarakuasa di Pejabat Rancangannya atau di Balai Raya. Dalam perbicaraan itu:
 - a. Pentadbiran FELDA diwakili oleh Pengurus, seorang penyelia dan seorang kerani.
 - b. Semua waris dikehendaki mengangkat sumpah.
 - c. Pengurus menerangkan kepada waris-waris mengenai kedudukan tanah pegangan si mati dari segi Akta Tanah 1960 dan bahawa tanah itu dianggap sebagai "Harta Sepencarian" suami dan isteri.
 - d. Waris-waris perlu mencapai persetujuan mengenai seorang pengganti kepada si mati untuk terus memiliki tanah pegangan itu; dan seterusnya
 - e. Persetujuan melantik pengganti ditandatangani didalam borang yang dikhaskan.

Apabila tercapai persetujuan untuk melantik pengganti, Pengurus menyediakan "Perintah Pengurus Mengenai Pengganti Kepada Si Mati". Sekiranya persetujuan tidak dapat dicapai diantara waris-waris, Pengurus boleh menagguhkan pembicaraan untuk memberi peluang kepada waris-waris simati bagi membuat perundingan.

Jika penyelesaian tidak boleh dicapai, Pengurus akan melaporkan ke Ibu Pejabat FELDA (iaitu kepada Pengarah Ukur, Tanah dan Penempatan Peneroka) untuk dipertimbangkan dan mendapat arahan selanjutnya. Pengurus akan melantik pengganti sebagaimana yang diputuskan oleh Ibu Pejabat. Kemudian nama pengganti akan didaftarkan dalam Daftar Pegangan Peninggalan si mati.²⁹

3.4 Kesimpulan

Prosedur pembahagian pusaka harta tanah di seluruh Malaysia adalah sama. Pentadbirannya dilaksanakan mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 bagi harta pusaka kecil dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 bagi Harta Pusaka Biasa. Di dapati prosedur dilaksanakan dengan sistematik dan kemas bagi mengelakkan pertindihan kuasa pihak-pihak berwajib dalam melaksanakan tugas mereka.

Nota Hujung

¹ 'Abd. Al-Karīm Zaydān (Dr.) (1989), *Madkhal li al-Dirārah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Baghdād: Maktabah al-Quds, hal. 221.

² Al-Syātīrī, Muhamad Bin Ahmad, (1368H), *Al-Yakut al-Nafis*, Beirut : Dar al-Thaqafah, hal. 130.

³ Seksyen 81, Akta Probet dan Pentadbiran No.97/1959 dan seksyen 13 Akta Perbadanan Amanah Raya No.532/1995.

⁴ Seksyen 17(1) dan 17(2) Akta Perbadanan Amanah Raya No. 532/1995.

⁵ Aturan 23 Penentuan-Penentuan Pembahagian Harta Pusaka Kecil dan Seksyen 17 Akta No. 532/1995.

⁶ Haji Wan Muhammad bin Wan Mustapha (Dato') (1998) *Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam dalam Undang-Undang dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Ar-Raudhah hal.159.

⁷ Seksyen 8, Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil No.98/1955.

⁸ Kes Harta Pusaka *Mek Embong bin Mamat*, APPKB 313/93(7), Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu.

⁹ Didalam Kes Rayuan *Hussin bin Mamat lawan Bustaman bin Ali*, (Bil. 2/2000) Mahkamah Rayuan Syariah, Kota Bharu

¹⁰ Al-Syātīrī, op.cit..

¹¹ Ibid.

¹² Seksyen 351, Kanun Tanah Negara 1965.

¹³ Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Buku Panduan Permohonan Tuntutan Pembahagian Harta Pusaka Kecil, hal. 5

¹⁴ Seksyen 4, Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1995

¹⁵ Ibid., Seksyen 9 (1).

¹⁶ Ibid., Seksyen 11(1).

¹⁷ Ibid., Seksyen 12(2).

¹⁸ Kes harta pusaka *Bidah bt Hussain*, APKKB 640/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu.

-
- ¹⁹ Temubual dengan Encik Mohamad Zin b Dollah, Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka pada 19 Jun 2001.
- ²⁰ *Kes Harta Pusaka Jah Bt Putih*, APKKB 632/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu
- ²¹ Seksyen 10, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1995.
- ²² *Kes Harta Pusaka Mohd Ali*, PTT 227/86 Pejabat Tanah Tumpat
- ²³ Temubual dengan Encik Mohd Zain b Dollah, op.cit..
- ²⁴ Ibid.
- ²⁵ *Kes Harta Pusaka Zainab Bt Dollah*, APKKB 602/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu
- ²⁶ *Kes Harta Pusaka Abdullah Bin Mohamed* APKKB 601/99 Pejabat Tanah Daerah Kota Bharu
- ²⁷ *Kes Harta Pusaka Wan Mohd Salleh Bin Mohd Said*, PTM 349/85 Pejabat Tanah Daerah Machang
- ²⁸ Osman Bin Yahya, "Pembahagian Pusaka Kecil : Suatu Pengalaman dan Amalan", Kertas Kerja dlm. Mesyuarat Percambahan Fikiran Mengenai Penggubalan Akta Pentadbiran Harta Pusaka Orang-Orang Islam, 2-4 September 1995.
- ²⁹ Pekeliling Jabatan Ukur, Tanah dan Penempatan Peneroka FELDA (Bil.2/81)